

**MAHATHIR MOHAMAD** bersama Amirudin Shari, Zuraida Kamaruddin, Dr. Dzulkefly Ahmad dan Gobind Singh Deo menunjukkan buku Dasar Komuniti Negara dalam majlis pelancarnya di Padang Awam, Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor, semalam. - **UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR**



Harga 1,000 liter air kepada Singapura tidak munasabah

## Sampai bila 3 sen? - PM

Um - 12/2/2019 m/s: 2

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**  
penarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 17 FEB.**

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan sampai bila harga air mentah yang dijual kepada negara jiran, Singapura, perlu berada pada kadar begitu murah. Perdana Menteri menyifatkan harga tiga sen bagi setiap 1,000

gelen air mentah yang termeterai melalui Perjanjian Air 1962 itu sebagai tidak munasabah.

Tegasnya, apakah Malaysia perlu menunggu satu milenium atau 1,000 tahun lagi untuk melihat harga tersebut akan disemak semula.

"Pada masa itu satu sen boleh beli banyak barang, itu yang saya cerita, jadi waktu ini satu sen tak boleh beli apa, tiga sen pun tak boleh beli apa.

"Sepatutnya harga sesuatu barang itu mengikut keadaan semasa, hari ini kita tidak bercakap pasal *millionaire* lagi tetapi *billionaire* kerana pendapatan manusia sudah meningkat lebih tinggi," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Dasar Komuniti Negara di sini hari ini.

Pada Ogos tahun lalu, Dr. Mahathir membangkitkan se-

mula hasratnya menaikkan harga air yang dijual kepada Singapura sebanyak 10 kali ganda daripada kadar semasa.

Namun, kenyataan itu menerima reaksi negatif daripada Menteri Hal Ehwal Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan yang bertegas mahu Malaysia menghormati terma yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Air Sungai Johor 1962.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, perbincangan lanjut dengan Singapura berhubung isu tersebut kini giat dijalankan di bawah kelolaan Kementerian Luar.

"Kita sedang berusaha dan kita tentukan kumpulan kita ini termasuk pegawai-pegawai dari Johor tetapi yang akan mengetahui kumpulan kita ini adalah Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah," katanya.